

Label tuaia berisi bunga ganja

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Sepang

Abatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mencatat kejayaan besar apabila menumpaskan empat cubaan menyeludup bunga ganja seberat lebih satu tan bernilai RM98 juta dalam siri operasi berasingan di sekitar Lembah Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1. Pengarah Kastam (Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Kuala Lumpur, Zulkifli Muhammad, berkata kejayaan itu hasil tindakan pantas dan kerjasama erat antara Bahagian Penguatkuasaan JKDM dengan beberapa agensi keselamatan lain termasuk Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS).

Katanya, lima lelaki tempatan berusia antara 35 hingga 60 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Empat kes ini melibatkan cubaan menyeludup keluar dadah jenis bunga ganja ke luar negara, terutama ke pasaran Eropah, menggunakan teknik termasuk penyamaran sebagai barangan dagangan," katanya pada si-



ZULKIFLI (tengah) ketika sidang media kejayaan menumpaskan empat cubaan menyeludup dadah jenis bunga ganja di sekitar Lembah Klang dan KLIA Terminal 1.

dang media di sini, semalam.

Zulkifli berkata, dalam kes pertama pada 1 Oktober lalu, seorang lelaki warga tempatan berusia 60-an ditahan di KLIA Terminal 1 selepas disenarai hitam kerana tunggakan duit dan cukai.

Pemeriksaan bagasinya

menemukan 21.04 kilogram bunga ganja bernilai RM2.06 juta.

"Suspek dititub di mahkamah baru-baru ini," katanya.

Bagi kes kedua, rampasan dilakukan pada 27 Sep-

tember lalu di pintu masuk eksport apabila pasukan penguat kuasa mengesan 21 bungkus dadah seberat 220.32 kilogram bernilai RM21.59 juta dalam lori kurier yang hendak

memasuki Zon Bebas KLIA untuk dieksport ke sebuah negara Eropah. Sementara itu, dalam kes ketiga yang dilaksanakan pada 29 dan 30 September lalu, serbuan di dua gudang logistik di Shah Alam dan Subang Jaya menemui 52 kotak bungkus dadah dari-

pada empat konsainan berbeza, dengan berat keseluruhan 464.58 kilogram dan nilai dianggarkan RM45.53 juta.

Kes keempat pula menyasarkan rampasan 294.35 kilogram bunga ganja bernilai RM28.85 juta di pintu masuk eksport Zon Bebas KLIA pada 3 Oktober lalu, turut menggunakan lori kurier untuk membawa keluar 28 bungkus dagangan ke luar negara.

Zulkifli berkata, bagi kes kedua hingga keempat, modus operandi sindiket ialah dengan menyembunyikan dadah di dalam kotak dengan label jenama tuaia premium dan membungkusnya dengan plastik kedap udara bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Katanya, empat lelaki berusia antara 35 hingga 40 tahun membabitkan pemandu lori kurier dan pemilik gudang logistik ditahan bagi membantu siasatan dalam kes kedua, ketiga dan keempat.

"Semua rampasan ini menunjukkan masih ada pinak cuba menggunakan kemudahan logistik dan kurier antarabangsa untuk penyeludupan. JKDM tidak berkompromi dan terus memperkukuh kawalan di semua pintu masuk utama negara," katanya.

Lima lelaki tempatan berusia antara 35 hingga 60 tahun ditahan